

**NO. SOALAN : 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[SIPITANG]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [ SIPITANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Hasil bancian terkini mengenai jumlah penduduk negara ini serta pecahan mengikut negeri/kaum terbesar di mana laporan awal menyebut jumlah penduduk Malaysia tahun ini (2016) dianggarkan 31.7 juta orang, iaitu meningkat 0.5 juta berbanding 31.2 juta orang pada 2015.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (Banci) telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak lima (5) kali semenjak penubuhan Malaysia (1963) iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010. Banci seterusnya akan dijalankan pada tahun 2020 iaitu setiap sepuluh tahun sekali. Bagi tahun-tahun yang tidak dijalankan Banci, Jabatan Perangkaan Malaysia telah membuat kiraan anggaran penduduk pertengahan tahun semasa pada setiap tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan dengan mengambil kira tiga komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran, kematian dan migrasi bersih daripada pendaftaran kelahiran dan kematian, Jabatan Pendaftaran Negara serta maklumat migrasi dalaman dan antarabangsa daripada Penyiasatan Migrasi dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pada tahun **2016**, bilangan penduduk Malaysia dianggarkan berjumlah **31.7 juta** orang, iaitu meningkat **0.5 juta** orang berbanding **31.2 juta** orang pada **2015**.

Peratusan penduduk yang **berwarganegara Malaysia** mengikut kumpulan etnik utama pada tahun **2016**, mencatatkan **Bumiputera** sebanyak **19.5 juta** orang (68.6 %), **Cina 6.7 juta** orang (23.4 %), **India 2.0 juta** orang (7.0 %) dan **281.4 ribu** orang (1.0 %) **Etnik Lain-lain**. Bagi penduduk **bukan warganegara** pula jumlahnya adalah **3.3 juta** orang.

Taburan dan peratusan penduduk Malaysia mengikut negeri dan kumpulan etnik utama pada tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 1 dan 2**.

**Jadual 1: Jumlah Penduduk mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2016**

Negeri	Jumlah	Warganegara Malaysia					Bukan warganegara Malaysia
		Jumlah	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	
Johor	<b>3,655.1</b>	3,305.1	1,967.9	1,086.1	232.6	18.5	350.0
Kedah	<b>2,120.7</b>	2,025.4	1,607.1	257.4	140.5	20.5	95.3
Kelantan	<b>1,797.2</b>	1,744.5	1,673.2	55.5	4.8	11.0	52.7
Melaka	<b>901.7</b>	854.4	582.1	217.0	50.7	4.6	47.3
Negeri Sembilan	<b>1,099.7</b>	1,019.8	632.1	229.8	153.8	4.0	79.9
Pahang	<b>1,628.1</b>	1,522.7	1,219.5	232.7	64.9	5.6	105.4
Perak	<b>2,483.0</b>	2,383.6	1,393.1	700.5	280.5	9.5	99.5
Perlis	<b>251.0</b>	242.2	215.1	19.2	3.1	4.8	8.8
Pulau Pinang	<b>1,719.3</b>	1,571.8	711.8	689.3	165.7	5.0	147.6
Sabah	<b>3,813.2</b>	2,673.9	2,233.1	307.1	12.3	121.5	1,139.3
Sarawak	<b>2,741.0</b>	2,564.0	1,932.6	616.0	7.5	7.9	177.0
Selangor	<b>6,298.4</b>	5,635.8	3,326.0	1,544.6	719.9	45.2	662.6
Terengganu	<b>1,183.9</b>	1,150.0	1,116.9	28.3	2.4	2.4	33.9
W.P. Kuala Lumpur	<b>1,787.2</b>	1,543.9	720.0	654.4	151.5	18.1	243.3
W.P. Labuan	<b>97.8</b>	87.9	74.9	9.6	0.7	2.7	9.9
W.P. Putrajaya	<b>83.3</b>	80.0	78.3	0.5	1.1	0.1	3.2
<b>Jumlah</b>	<b>31,660.7</b>	<b>28,405.1</b>	<b>19,483.6</b>	<b>6,648.0</b>	<b>1,992.0</b>	<b>281.4</b>	<b>3,255.6</b>

Nota: 1. 2016: Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

2. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

**Jadual 2: Peratusan Penduduk Warganegara mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2016**

Negeri						(%)
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	
Johor	59.5	32.9	7.0	0.6	100.0	
Kedah	79.3	12.7	6.9	1.0	100.0	
Kelantan	95.9	3.2	0.3	0.6	100.0	
Melaka	68.1	25.4	5.9	0.5	100.0	
Negeri Sembilan	62.0	22.5	15.1	0.4	100.0	
Pahang	80.1	15.3	4.3	0.4	100.0	
Perak	58.4	29.4	11.8	0.4	100.0	
Perlis	88.8	7.9	1.3	2.0	100.0	
Pulau Pinang	45.3	43.9	10.5	0.3	100.0	
Sabah	83.5	11.5	0.5	4.5	100.0	
Sarawak	75.4	24.0	0.3	0.3	100.0	
Selangor	59.0	27.4	12.8	0.8	100.0	
Terengganu	97.1	2.5	0.2	0.2	100.0	
W.P. Kuala Lumpur	46.6	42.4	9.8	1.2	100.0	
W.P. Labuan	85.2	10.9	0.8	3.1	100.0	
W.P. Putrajaya	97.9	0.6	1.4	0.1	100.0	
<b>Malaysia</b>	<b>68.6</b>	<b>23.4</b>	<b>7.0</b>	<b>1.0</b>	<b>100.0</b>	

Sekian, terima kasih.